



LAPORAN TAHUNAN 2023

MAJLIS BANDARAYA
KUALA TERENGGANU





TERENGGANU

*Bandaraya
Warisan
Pesisir Air*



02 Slogan MBKT

03 Visi, Misi & Strategik Khas

04 Perutusan Datuk Bandar

04 Ahli Majlis

06 Pengenalan

08 Garis Masa

09 Piagam Pelanggan



ISI KANDUNGAN

- | | | | |
|----|---------------------------------|----|--|
| 10 | Jabatan Undang-Undang | 48 | Unit Audit Dalam |
| 18 | Jabatan Lanskap | 50 | Unit Pengurusan Aset |
| 25 | Jabatan Khidmat Pengurusan | 69 | Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta |
| 31 | Bahagian Teknologi Maklumat | 74 | Unit Perancangan & Penyelarasan Projek |
| 36 | Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) | 76 | Jabatan Korporat, Kemasyarakatan & Kualiti |
| 44 | Bahagian Kontrak & Ukur Bahan | 87 | Bahagian Elektrikal |



SLOGAN MBKT

MESRA PELANGGAN

M

Konsep Mesra Pelanggan perlu diamalkan oleh warga kerja MBKT untuk memberi perkhidmatan yang bermutu dan terbaik kepada pelanggan melalui penerapan tata susila serta budi pekerti yang tinggi.

BERHEMAH DAN BERWIBAWA

Sentiasa mempunyai sikap-sikap mulia, berhemah, rendah diri, kesopanan, kewibawaan, keyakinan diri dan berkebolehan dalam melaksanakan tugas.

B

KEJUJURAN DALAM MELAKSANAKAN TUGAS

K

Sikap jujur dan amanah dalam melaksanakan tugas adalah amat penting bagi setiap warga kerja MBKT untuk meningkatkan kepercayaan dan rasa hormat pelanggan dan masyarakat umum.

TEKUN & BERILTIZAM MENINGKAT KUALITI

Warga kerja MBKT perlu sentiasa tekun dan beriltizam melalui usaha-usaha yang berterusan untuk penambahbaikan perkhidmatan bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti kerja.

T

VISI MISI

STRATEGIK TERAS



VISI

Menjadikan Kuala Terengganu
Bandaraya Warisan Pesisir Air yang
maju dan mapan.



MISI

Melaksanakan tadbir urus dan
pembangunan modal insan serta
prasarana terbaik bagi mewujudkan
bandaraya yang sejahtera dan
makmur.

STRATEGI TERAS

Mempertingkatkan
keupayaan kapasiti
MBKT

**STRATEGI
TERAS 01**

Mempertingkatkan hasil
ke arah pembiayaan
sendiri

**STRATEGI
TERAS 02**

Mengekalkan dan
memulihara warisan
sebagai identiti setempat
untuk tarikan pelancong
dan aktiviti komersial

**STRATEGI
TERAS 03**

Menjadikan Kuala
Terengganu bandaraya
sejahtera dan mapan

**STRATEGI
TERAS 04**

Menyediakan prasarana
yang mapan dan
menyeluruh

**STRATEGI
TERAS 05**

PERUTUSAN DATUK BANDAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah Syukur ke Hadrat Allah SWT di atas limpah kurnia serta keizinan-Nya maka Buku Laporan Tahunan 2023 ini berjaya diterbitkan untuk memberi maklumat yang bermanfaat kepada para pembaca terutama sekali warga bandaraya Kuala Terengganu. Syabas diucapkan kepada semua jabatan yang terlibat dalam penyediaan maklumat bagi merealisasikan penerbitan buku ini. Sesungguhnya saya berasa amat bangga di atas komitmen, momentum kerja dan *team work* yang telah ditunjukkan.

Misi penerbitan Buku Laporan Tahunan ini adalah untuk mempamerkan laporan aktiviti-aktiviti setiap Jabatan / Bahagian / Unit sepanjang tahun 2023 untuk tatapan umum. Adalah menjadi harapan saya agar ianya akan dapat memberi info kepada semua pihak khususnya warga kerja Majlis Bandaraya Kuala Terengganu sendiri dalam membuat perancangan, penambahbaikan serta pelaksanaan program dan aktiviti pada masa hadapan.

YANG BERBAHAGIA
DATO' HAJI ROSLI BIN LATIF
S.M.Z., A.M.T., P.J.K.

**“...agar ianya akan
dapat memberi info
kepada semua pihak
khususnya warga kerja
Majlis Bandaraya Kuala
Terengganu.”**



Gambarajah A : Keindahan Pantai di Terengganu. Gambarajah B : Bangunan TD1303 di Kuala Terengganu.

Dalam usaha kita untuk terus memajukan bandaraya ini, pelbagai inisiatif telah dan akan terus diambil oleh pihak Majlis Bandaraya Kuala Terengganu. Antara fokus utama kita adalah untuk memastikan kesejahteraan dan kebajikan rakyat terpelihara. Oleh itu, usaha untuk menjaga kemudahan awam, menjaga kebersihan dan kehijauan bandaraya, serta memperkukuhkan sistem perhubungan terus dipertingkatkan. Usaha-usaha ini bukan sahaja akan menjadikan Kuala Terengganu lebih selesa dan mesra pengunjung, tetapi juga akan merangsang pertumbuhan ekonomi tempatan.

Bagi menarik minat pelancong, pelbagai inisiatif telah dibuat untuk menjadikan Kuala Terengganu sebagai destinasi pilihan yang menawarkan pelbagai tarikan unik dan menarik. Pusat-pusat pelancongan seperti Taman Tamadun Islam, Pasar Payang, dan Masjid Kristal terus diperkemas dan dipromosikan secara meluas. Selain itu, pelbagai program kebudayaan dan festival yang mencerminkan kekayaan budaya dan warisan tempatan telah diperkenalkan bagi menarik pelancong dari dalam dan luar negara dan sekaligus memupuk rasa bangga dalam diri setiap warga.

Pembangunan hotel dan penginapan yang berkualiti, pembaikan jalan raya yang menghubungkan tempat-tempat pelancongan, serta penyediaan pusat maklumat pelancongan yang efektif adalah antara langkah yang diambil untuk memastikan pengalaman pelancong di Kuala Terengganu adalah yang terbaik dan memberi keselesaan dan kesejahteraan kepada pelancong serta memberi kesan positif terhadap pengalaman dan persepsi pelancong terhadap destinasi mereka. Kenangan manis yang dibawa pulang ke negara masing-masing akan menggamit rakan taulan mereka untuk turut melancong ke negeri ini. Kedatangan mereka akan dapat meningkatkan taraf sosio-ekonomi penduduk setempat, khasnya para peniaga.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama sepanjang tahun ini. Kepada seluruh warga kerja MBKT, marilah kita berganding bahu dan bekerja keras untuk menjadikan bandaraya kita ini lebih maju, harmoni dan sejahtera. Semoga tahun baharu ini membawa lebih banyak kejayaan dan kesejahteraan kepada kita semua.